



Pemandangan indah di puncak Bukit Bosar, Jempul ketika matahari naik - Foto NSTP/Mohd Khidir Zakaria

## Sambut merdeka di Bukit Bosar, saksikan 'awan karpet'

Oleh Mohd Khidir Zakaria  
bhnews@bh.com.my

JEMPOL: Cuti sempena Hari Kebangsaan ke-63 digunakan sekumpulan pendaki untuk ke Bukit Bosar di sini yang menyajikan fenomena awan yang indah dinamakan 'awan karpet' yang sekain mendapat perhatian.

Pendaki, Zainah Adam, 49, yang datang dari Sungai Buloh, Selangor, berkata Bukit Bosar menjadi hasratnya untuk menyambut kemerdekaan negara kali ini.

"Saya berasal dari kampung ini, Kampung Bayai Baru tetapi sangat teruja apabila mendapat tahu kampung saya sendiri ada lokasi yang menarik bagi menyaksikan 'awan karpet'.

"Minggu lalu saya ada baca dalam portal yang Kampung Bayai mempunyai lokasi yang menarik bagi menyaksikan keindahan pemandangan dari Bukit Bosar yang nampak 'awan karpet' saujana mata memandang," katanya ketika ditemui di sini.

Pendaki lain, Shamsul Akmar Ahmad, 23, dari Kuala Lumpur berkata, sudah banyak tempat tinggi, bukit dan gunung yang didaki tetapi Bukit Bosar ada keistimewaannya tersendiri.

"Walaupun saya mempunyai pengalaman mendaki, Bukit Bosar istimewa kerana ada pemandangan 'awan karpet' yang cantik dan trek yang agak mencabar bagi yang baru mencuba aktiviti ini, sangat mengujakan sebaik sampai ke puncak.

"Tak sangka ramai juga yang mendaki Bukit Bosar seawal jam 6 pagi dan saya rasa hampir 100 orang yang bergerak dengan kumpulan pendaki dibawa naik oleh Tim Bayai Hikers," katanya.

Ketua Tim Bayai Hikers, Mohammad Noramin Zakaria, 30, berkata, setiap kali cuti umum atau hujung minggu, pihaknya bersedia menjadi jurupandu bagi peminat mendaki Bukit Bosar.

"Orang ramai sudah tahu Bukit Bosar adalah lokasi baharu untuk menyaksikan 'awan karpet' dan tidak perlu pergi jauh, rupa-rupanya ia terletak di belakang rumah saya.

"Saya bersama pemuda di Kampung Bayai Baru bersedia menjadi jurupandu naik dan turun kerana bimbang ada yang tersesat jalan terutama ketika turun kerana terlalu banyak simpang.

Orng ramai yang mahu menggunakan khidmat Tim Bayai Hikers boleh hubungi NOOraman di 019-6611350.

Noramin berkata, dia berharap Bukit Bosar akan menjadi lokasi terbaru Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan yang baru dan berhasrat akan membangunkan secara berperingkat.